

25 JUL 1997

Asean-matawang

ASEAN SETUJU PERANGI KONSPIRASI MATAWANG RANTAU INI

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Menteri-menteri Luar Asean telah menyatakan kebimbangan serius terhadap manipulasi matawang antarabangsa yang mereka sifatkan menggugat matawang Asean.

"Usaha-usaha terancang untuk menggugat matawang Asean bagi tujuan kepentingan sendiri" mengancam kestabilan ekonomi negara-negara Asean, kata mereka dalam pernyataan bersama yang akan dikeluarkan pada akhir mesyuarat dua hari Menteri-menteri Asean (AAM) ke-30, di sini, hari ini.

Gesaan padu itu, yang tidak pernah berlaku dalam sejarah 30 tahun pertubuhan ini, dibuat berikutan matawang Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura dan Malaysia terus menghadapi tekanan jualan dengan spekulator wang menjual matawang itu kepada dolar Amerika Syarikat.

Spekulator wang mendakwa pinjaman berlebihan kepada sektor hartanah, defisit akaun semasa, masalah perbankan, kenaikan kadar faedah yang melampau dan pertumbuhan kadar eksport lembab di rantau ini, yang membawa kepada serangan spekulasi itu.

Bagaimanapun, banyak negara lain di Asean berpendapat sebaliknya dan berkata spekulator wang melemahkan ekonomi negara-negara Asean.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lantang memperkatakan mengenainya apabila beliau menuduh "spekulator rogue" mahu "memusnahkan" negara-negara lemah dalam usaha mereka mewujudkan masyarakat terbuka.

Beliau berkata perjanjian masa kini antara negara-negara Asean tidak berkesan dalam menangani serangan-serangan spekulatif.

Sehubungan itu, menteri-menteri luar berkenaan menggesa supaya terus diperhebatkan kerjasama Asean bagi melindungi dan menggalakkan kepentingan Asean dalam perkara itu.

Tokoh-tokoh bank pusat Asia dan Pasifik Timur, yang kini bermesyuarat di Shanghai, dijangka antara lain menangani krisis matawang itu yang bermula dengan apungan baht Thai pada 2 Julai lepas berikutan serangan spekulator, yang masih belum reda. -- BERNAMA

TCL NAK